

---

[BIL. 26 APR 2019](#)

**UMP, MBTCA erat hubungan Malaysia-Bos**

---

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai hubungan kerjasama dengan Malaysia Bosnia Trade pembangunan akademik dan penyelidikan berteraskan bidang kejuruteraan dan teknologi dengan universiti

Kerjasama ini akan melibatkan program pesisir antaranya pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan, Komputer, Elektrik, Kimia dan Sains.

Majlis menyaksikan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Lembaga Pengarah MBTCA, Najib Abbas, disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Datuk Subhi Haji Dziauddin.

Turut hadir Pengarah Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah.

Menurut Profesor Ir. Dr Wan Azhar, peluang untuk bekerjasama dengan MBTCA ini melibatkan per kemudahan, data, pengetahuan dan kemahiran serta lain-lain sumber untuk manfaat bersama.

“Hubungan baik ini juga bakal memanfaatkan hubungan baik dengan institusi pendidikan di negara tersebut pengajian berteraskan kejuruteraan dan teknologi.

“Ia termasuklah penganjuran bersama persidangan, pembangunan sumber manusia dan modal insan serta menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Kompleks Islam Putrajaya.

MBTCA merupakan sebuah organisasi yang dinaungi oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat di Jabatan Perdana Menteri selaku penasihat, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof,

Penubuhan MBTCA adalah sebagai *platform* dalam mewujudkan perancangan strategik dan penggub konduif bagi pembangunan perdagangan di kedua-dua buah negara.

Bidang yang akan menjadi tumpuan melibatkan enam kluster iaitu Hubungan di antara Negara, Pendidikan

## Dr. Hari Narayanan kongsi pengalaman ind

Oleh: SITI NURFARMY, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Menyedari kepentingan pembentukan modal insan yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi dalam me Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Industri (I menganjurkan *Professional Talk Series* bersama Pengarah USAINS Holding Sdn. Bhd. yang juga mantan 26 dan 27 Mac 2019 yang lalu.

Berkongsi pengalaman industri, program kali ini beliau memfokuskan pengetahuan yang menjurus kepa (IR4.0) dengan tajuk '*Biz Development: Successful Commercialization*' dan '*Performance M Productive Team*' yang berlangsung di UMP Kampus Pekan dan Gambang.

---

Menurut Pengurus ICoN, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, penganjur *Profesional Talk Series* telah berkolaborasi dengan UMP dalam perkongsian ini dilihat suatu usaha berterusan antara pihak universiti dalam memberi pendedahan kepada pelajar melalui sudut pandangan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau tokoh industri terkemuka daripada pelbagai industri.

“Misi penglibatan industri dalam sebuah universiti adalah untuk memastikan hubungan yang berkesinambungan antara universiti dan industri melalui pembinaan hubungan yang strategik di samping merealisasikan integrasi kurikulum yang berkesan kepada pelajar supaya lebih bermakna dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar,” ujarnya.

Dr. Hari Narayanan merupakan individu yang telah banyak berjasa kepada UMP terutamanya buat partikel ini pada tahun 2015.

Beliau mula berkecimpung dalam program [CEO@Faculty](#) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Beliau kini dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sains Malaysia (USM) setelah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Urusan sejak tahun 2018.

Seramai 1,000 orang pelajar telah terlibat sepanjang program berlangsung yang melibatkan pelajar dari bawah Fakulti Pengurusan Industri dan program *Entrepreneurship* di bawah Pusat Keusahawanan.

---

**Kolokium PPTI bincang pengurus profesional mas**

---

Kira-kira 100 pentadbir Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Kolokium Transformasi Pentadbir 'Hadapan' anjuran Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PPTI) dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran di DUMPU UMP Kampus Pekan pada 27 Mac 2019 yang lalu.

Mereka yang hadir bersempena Mesyuarat Agung Tahunan PPTI ini terdiri daripada pegawai universiti lain-lain dan pentadbir dengan latar belakang berbeza jawatan serta lapangan kerja di universiti ini.

Menurut Presiden PPTI yang juga Pengurus Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN), Mohd Raizal bin Yusoff, kolokium ini adalah *platform* bagi berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam meningkatkan kecekapan urus tadbir.

Dalam pertemuan ini, beliau turut mengumumkan Mesyuarat PPTI bersetuju untuk menjenamakan PPTI dan PPTI kepada Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PPTI) kepada Persatuan Pengurus Profesional Universiti (PUMA).

Ujarnya, pihak persatuan mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua panel yang sudi berkongsi pengalaman dan memberi manfaat buat pentadbir dalam memacu kecemerlangan universiti.

Hadir menjayakan kolokium pada kali ini adalah Ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Md Sharif Shariffuddin bin Yusoff, Dato' Sri Md Sharif Shariffuddin bin Yusoff Metal Builders (M) Sdn. Bhd. juga mantan Pengurus Besar Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMP, Datin Nurul Huda binti Yusoff, Pegawai Penerbitan Kanan UMP, Muhammad Azli Shukri sebagai moderator.

---

Menurut Dato' Sri Md Sharif, seorang pemimpin adalah khalifah yang mempunyai tanggungjawab dan berpe-

“Pekerja juga perlu amanah dan jangan merosakkan muka bumi yang ertinya menjauhi rasuah, jauhi sikap

“Di dalam al-Quran juga banyak panduan yang telah dinyatakan untuk menjadi pekerja yang baik. Umpamanya mempunyai pentadbir yang boleh mengurus dan meningkatkan hasil yang banyak dan boleh bergerak seronok. Umpamanya menjadi cabaran kepada kita,” katanya berkongsi pengalaman.

Tambahnya lagi, semua yang dilakukan perlu mempunyai objektif dan memerlukan perancangan bagi men-

“Persatuan dalam sesebuah organisasi memainkan peranan penting untuk mencapai kejayaan.

“Sehebat manapun seseorang itu dalam melakukan kerja pastinya memerlukan gandingan orang lain untuk dapat dilakukan oleh sebuah pasukan tentunya lebih baik berbanding kerja yang dilakukan secara bersendirian di-

Begitu juga dengan perkongsian menarik daripada Datin Sri Hajah Fazia yang mempunyai pengalaman sel-

Beliau yang memulakan perkhidmatannya di Universiti Sains Malaysia (USM) menimba banyak peng-

jabatan dan fakulti.

Menurutnya sebagai seorang pentadbir perlu bijak dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

“Antara tugas yang agak mencabar semasa di UMP apabila diberi tugas bagi menjayakan inisiatif end-

“*MyGift* UMP adalah suatu usaha untuk mengumpul sumbangan endowmen daripada mana-mana pihak untuk kemudahan prasarana kepada pelajar di samping membudayakan semangat membantu bagi golongan yan-

“Pada pada tahun 2011, universiti mulai sedar keperluan untuk terus mengorak langkah dalam menjaya-

pendapatan UMP. Alhamdulillah kita dapat jimatkan sehingga 10 juta kos tersebut,” ujar beliau.

Datin Fazia turut memberi nasihat sebagai seorang pengurus perlu berani memberi pendapat dan kad-

mempertimbangkan pendapat staf lain supaya lebih maju.

Pada masa yang sama beliau turut berkongsi pengalaman dalam pengurusan masa di antara tugas seba-

Ujarnya, wanita berkerjaya semestinya boleh membahagikan masa untuk kerja dan keluarga dengan baik.

Baginya bangun awal di waktu pagi dapat akan membuatkan diri lebih proaktif dan dapat menguruskan run-

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin  
& Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli.

---

**PIMPIN anjur Bengkel OKU al-Quran: Teknik Bahasa Isyarat**

Prihatin dengan nasib golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Pusat Islam dan Pembangunan Insan (P) menganjurkan bengkel khas untuk orang ramai termasuk insan kurang upaya dari segi pendengaran dan isyarat dan *Braille* pada 26 Mac 2019 yang lalu.

Bengkel yang dianjurkan sempena Karnival Mahabbah 9.0 itu merupakan perkongsian mengenai teknik Seramai 45 peserta hadir melibatkan warga UMP dan peserta daripada agensi kerajaan serta orang awam.

Pengarah Program, Muhammad Sallehudin Md Derus berkata, program ini memberi peluang peserta mengenai pengajaran teknik *Braille* serta kemudahan untuk membantu orang kelainan upaya.

“Program yang berjalan selama empat jam itu mengandungi dua slot. Slot pertama merupakan penerangan berkumpulan. Dalam slot yang pertama, peserta bengkel mempelajari teknik bahasa isyarat asas, bahasa surah.

“Slot kedua pula merupakan penerangan berkenaan teknik Braille yang mana peserta diajar mengenali teknik

Tenaga pengajar untuk Bengkel OKU al-Quran ini adalah seorang pensyarah dari Universiti Sains Islam Malaysia

Beliau juga merupakan Koordinator Unit Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI). USIM adalah salah satu produk *iSign* khas untuk golongan OKU.

Bagi Norakyairee, kesedaran terhadap manusia sempurna kepada OKU perlu dipertingkatkan lagi kerana mereka dan kurang mendapat perhatian.

Bengkel OKU seperti ini bukan hanya perlu dihadiri oleh golongan OKU sahaja, malah orang normal juga perlu kesedaran tentang kepentingan mempelajari bahasa isyarat asas dan cara untuk menyantuni golongan OKU.

Beliau memuji inisiatif PIMPIN menganjurkan bengkel ini dan berharap lebih banyak kelas ataupun bengkel *Braille* diadakan pada masa akan datang.

Dalam masa yang sama, kita mahu memastikan golongan OKU pendengaran dan penglihatan tidak terlepas

Dalam pada itu, sebanyak 15 program disajikan sepanjang dua minggu karnival yang turut mendapat kerjasama Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), UMP Holdings (UMPH), Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

---

**UMP prihatin salur bantuan kepada keluarga**

Prihatin dengan nasib keluarga warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang memerlukan ba semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga universiti khususnya program berbentuk khidmat so (PIMPIN) telah mengajurkan program *MyFamily Charity Ride* pada 2 April 2019 yang lalu sempena berlang

Program yang merupakan inisiatif pihak PIMPIN di bawah projek *MyFamily* ini mendapat sumbangan warg diperkenalkan tiga bulan lalu.

Sumbangan yang diserahkan berbentuk wang ringgit dan barangan keperluan harian seperti beras, tepun keperluan kepada keluarga staf UMP yang diuji dengan dugaan hidup.

*MyFamily Charity Ride* kali ini disertai oleh 15 orang pelajar bermotosikal dan tujuh orang staf PIMP Mahabbah 9.0, Ustaz Muhammad Sallehudin Md Derus dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Osman Zahid.

Menurut Ustaz Muhammad Sallehudin, fokus sumbangan kali terhadap warga kerja dan pelbagai progr pelajar dan keluarga asnaf sekitar kampus. Ini juga sebagai tanda ingatan dan prihatin warga UMP kepada

---

“Dalam menguruskan hal ini, kita mahu setiap sumbangan yang disalurkan oleh pelbagai pihak dapat dinikmati oleh penerima yang selayaknya,” ujarnya.

Sementara itu, penerima sumbangan, Rosida Abdullah, 44 yang mempunyai tiga orang anak berasa geram yang diberikan.

Ia pasti dapat meringankan beban keluarga yang ditanggung setelah kehilangan suami yang merupakan Pegawai.

Penganjuran program *MyFamily* ini akan diteruskan pada masa hadapan dengan harapan lebih banyak mereka yang memerlukan.

Kepada warga universiti dan orang ramai yang ingin turut serta dalam program ini, sumbangan boleh keperluan asas atau menyumbang ke tabung *MyFamily* di Masjid UMP Pekan dan UMP Gambang.

---

**Guru Bahasa UMP hasil inovasi rangkul anugerah**

---

Hasil kajian dan inovasi daripada empat orang Guru Bahasa, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan membanggakan apabila membawa pulang tiga pingat emas dan satu perak dalam Pertandingan *Innovation* (INNOPLEN) 2019 yang berlangsung di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kuantan pada 28 M

Kajian oleh Rosjuliana Hidayu Rosli bertajuk 'Transformasi Teknik Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab RESALA. ARABIC' menang pingat emas dan dinobatkan tempat pertama bagi kategori bukan teknikal serta

Pembelajaran ini sangat membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran mengingat kosa kata bahasa Arab serta memanfaatkan golongan jurutera daripada industri luar yang memerlukan kelas persediaan Bahasa Arab s

Selain itu, Juwairiah Osman yang menghasilkan Carta Alir Seronoknya Cakap Bahasa Melayu (melalui Antarabangsa) turut menang pingat emas dan merangkul tempat kedua keseluruhan bagi kategori bu *Honour as Presenter*'.

Menurut Juwairiah, inovasi dan penyelidikan yang dijalankan adalah untuk memantapkan Pengajaran dan pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian di UMP.

"Inovasi ini dilakukan melalui pembelajaran *e-Learning*, aktiviti di dalam dan luar kelas juga program dalam negeri mahupun antarabangsa.

"Sebagai penutur bukan natif, para pelajar antarabangsa memerlukan motivasi, kaedah pembelajaran bahasa sendiri untuk meningkatkan semangat untuk mempelajari bahasa ketiga atau keempat ini," katanya

Turut sama dalam kumpulan inovasi ini adalah para guru di Jabatan Bahasa Asing iaitu Mardhiyyah Zam Mohamad, Mohammad Baihaqi Hasni dan Farah Hanan Aminallah serta sokongan Ketua Jabatan Bahasa

Manakala Teknik Pembelajaran bahasa Inggeris menggunakan kaedah *Drama-tive* hasil inovasi Siti Ain pingat emas dan diiktiraf '*Certificate Honour as Presenter*'.

Pelajar menghasilkan drama berdasarkan situasi yang diberikan. Teknik ini juga menggalakkan pelajar membina keyakinan diri pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris.

Dalam pada itu, hasil kajian Azlina Mohd Ariffin mendapat anugerah pingat perak menerusi kajian 'Teknik laman sesawang dan menggunakan *courseware Estudiar Español Conmigo*'. Ia digunakan untuk memba Sepanyol di universiti ini.

Berdepan dengan era Revolusi Industri 4.0 pastinya pelbagai usaha dilaksanakan pihak universiti terhadap (P&P) dalam memastikan sentiasa kekal relevan dan bersesuaian dengan perubahan teknologi yang pant P&P.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Pengarah Bahagian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Ismail Abd Aziz.

Pertandingan ini disertai 125 kumpulan penyelidik merangkumi 445 peserta bertanding dalam dua kategori awam, IPTS, politeknik, kolej komuniti, jabatan kerajaan dan pihak industri.

---

**Mahasiswa UMP lestari pantai cakna alam se**

---

Oleh: AMIR HAZIQ IBRAHIM, KETUA *SECTION 19G BRIGED SISWA*,

Peka terhadap tanggungjawab menjaga alam sekitar, seramai 40 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang menjalankan aktiviti kesukarelawanan '*Stay Clean With UMP*' dengan bergotong-royong membersihkan Pantai Teluk 30 Mac 2019 yang lalu.

Program mendapat kerjasama daripada Pusat Kokurikulum, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni juga Mahasiswa

Pengarah Program, Nur Ailah Taklima Zukri yang merupakan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam & Sistem Mekanikal memfokuskan aktiviti membersihkan pantai dan melestarikan kawasan persekitaran pantai supaya lebih bersih dan

“Dengan keadaan pantai yang bersih dan persekitaran yang indah akan dapat menarik minat orang ramai mahupun kekeluargaan.

“Di samping itu, kawasan pantai ini juga merupakan salah satu destinasi tumpuan pelancong di negeri Pahang.

Lebih menarik, pihaknya juga menyediakan tong sampah hasil inovasi mahasiswa yang diperbuat daripada bahan-bahan yang mudah didapati dan sebagainya bagi mengalakkan masyarakat tempatan menghargai pantai dan keindahannya.

Bagi Pegawai Psikologi UMP merangkap Pengarah Program, Paridah Mohd Ali, aktiviti sebegini mer

---

---

semangat kesukarelawan dan bersikap cakna terhadap alam sekitar.

“Mahasiswa sentiasa dipupuk dengan budaya tolong-menolong, bantu-membantu antara satu sama lain di kampus dengan komuniti luar.

“Ini juga dilihat sebagai menyokong pelaksanaan kampus hijau iaitu menangani pencemaran alam sekitar serta memupuk rasa tanggungjawab dan prihatin dalam kalangan warga UMP terhadap alam sekitar,” kata

Beliau turut mengharapkan agar usaha ini dapat mendidik pengunjung untuk sama-sama menjaga kebersihan.

---

## **Pengangguran: Benarkah mahasiswa memilih**

Oleh: DR. HASNAH HUSSIN, PENSYARAH KANAN, PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN  
e-Mel: [hasnah@ump.edu.my](mailto:hasnah@ump.edu.my)

Sudah terbiasa bermain di fikiran apabila masuk universiti atau belajar di universiti, ianya akan menjamin kepada seseorang mahasiswa. Kenyataan ini ada benarnya jika kita menoleh kepada suatu masa sekitar 60 tahun sebelum ini. Sama ada mahasiswa masa kini memilih kerja atau ada faktor-faktor lain yang telah secara tidak langsung menyebabkan pengangguran dalam kalangan mahasiswa perlu diselidiki.

### **Penggunaan Teknologi Canggih Menggantikan Tenaga Manusia**

Kini kita sudah masuk alaf baharu yang mana banyak sektor pekerjaan hari ini kurang menggunakan tenaga manusia. Penggunaan teknologi yang lebih canggih yang telah menggantikan tenaga manusia. Ini merupakan satu fenomena yang telah berlaku lebih 60 tahun mencapai kemerdekaan. Persoalannya adakah nanti ia akan memberi kesan kepada pelbagai sektor pekerjaan? Tahun 2016 menjadi tanda bermulanya Revolusi Industri 4.0 yang ini memperlihatkan kemunculan sistem fizikal siber yang akan mengambil alih tempat manusia, mesin dan

Secara amnya, kewujudan teknologi automasi ini tidak lagi melibatkan manusia secara langsung. Industri 4.0

---

pekerjaan. Persoalannya, apakah persediaan mahasiswa bagi menghadapi revolusi yang bakal mengubah

## **Kemunculan Institusi Pengajian Baharu**

Sekali lagi cuba kita menoleh ke belakang sekitar tahun 1970 hingga 1980-an, negara kita hanya mempunyai Universiti Awam (UA), Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) semasa pada masa ini, bilangan UA, IPTS semakin bertam pendidikan baharu yang menyediakan kursus pendidikan jarak jauh bagi memudahkan orang ramai men setiap universiti UA, IPTS seluruh negara mengeluarkan ribuan mahasiswa setiap tahun. Di mana mereka tidak mungkin peluang pekerjaan yang wujud sama dengan bilangan graduan yang keluar mencari pekerjaan. Timbunan resume melebihi peluang pekerjaan. Kepada mahasiswa pula, bagaimana anda hendak menemp ini yang lebih mencabar sementelah persaingan dalam kalangan mahasiswa juga terlalu sengit.

Maka dalam hal ini, seseorang mahasiswa perlu bijak mengatur langkah. Seseorang mahasiswa menggunakan peluang semasa berada di kampus. Dalam hal ini, mereka perlu bergiat aktif dalam pelbagai gred yang bagus, mempelajari berbagai bahasa dan pengalaman semasa menjadi pelajar. Jadi jika mata anda tidak akan mudah mendapat peluang pekerjaan.

## **Penguasaan Bahasa**

Rasanya dalam isu bahasa ini ramai yang sudah sedia maklum bahawa antara syarat penting untuk me kebolehan mahasiswa menguasai bahasa Inggeris. Ada kajian yang dilakukan sebelum ini mendedahkan s graduan yang mempunyai penguasaan bahasa Inggeris berbanding graduan yang kurang kemahiran be kepada para majikan hari ini sama ada agensi kerajaan atau swasta. Persoalannya di sini adakah m melakukan tugas atau kebolehan berbahasa Inggeris? Skil sememangnya faktor utama dalam melak boleh dipelajari. Faktor bahasa ini dilihat terlalu besar peranannya apabila ada yang mengatakan masalah salah satu faktor kegagalan graduan dalam mendapatkan pekerjaan. Selain dari bahasa Inggeris, terdapa para majikan seperti bahasa Mandarin, Perancis, Jerman dan Arab.

## **Pemilihan Kursus**

Seseorang mahasiswa perlu bijak memilih bidang yang diminati. Walau bagaimanapun, dalam sesuatu kajian tentang bidang yang dipilih bagi memastikan kursus tersebut senang diterima oleh majikan. Tetapi b sendiri mereka bebas untuk menceburi sesuatu bidang. Perkara ini sangat penting memandangkan per salah memilih kursus yang mana skop pekerjaan bagi sesuatu kursus tersebut yang terhad dan tidak mend

## **Tangga Gaji**

Masalah tangga gaji juga mungkin merupakan salah satu faktor yang menyebabkan para graduan memilih memilih tangga gaji yang sepadan dengan kelulusan mereka. Berdasarkan Laporan Bank Negara Malaysia gaji lepasan diploma dan ijazah merosot dalam tempoh lapan tahun kebelakangan ini. Para graduan lep dalam sektor industri dan bukan industri. Tetapi adakah kita sedar ada dalam kalangan mereka yan mengambil kesempatan. Ini memandangkan ada majikan yang sengaja menggunakan alasan ekonomi sebagai alasan untuk tidak membayar upah yang sepatutnya dan lebih rendah dari sepatutnya. Langkah kepada RM1,050. sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah ini. Dalam hal ini, pihak majikan terlalu mer iaitu pekerja asing yang boleh diberikan gaji yang lebih murah dan menguntungkan mereka.

## **Budaya 'Experience'**

Secara amnya, memang tidak masuk akal jika sekiranya majikan hanya memilih pekerja berdasarkan p akan menyukarkan graduan yang baharu tamat belajar untuk mendapatkan pekerjaan. Bayangkan semua

---

ada pengalaman bekerja, sampai bila pun graduan yang fresh ini tidak akan diterima bekerja dan sampai pengalaman bekerja. Perkara ini seharusnya dipantau kerana nasib graduan yang baharu tamat belajar p bertanggungjawab. Ekoran daripada kecewa dengan sikap majikan yang hanya mahu pekerja yan menyebabkan para graduan melakukan kerja-kerja sendiri seperti menjual nasi lemak, bekerja sebagai bu untuk menyara diri dan keluarga sementara mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Walau apa pun, terdapat juga segelintir graduan yang terlalu memilih pekerjaan, gaji yang tinggi dan s dilihat terlalu sedikit dan tidak membayangkan lambakan graduan yang menganggur. Sememangnya ma dilihat dalam skop yang luas kerana terlalu banyak faktor yang menyumbang kepada wujudnya penganggur bagaimanapun, usaha perlu dilakukan oleh pihak berwajib bagi mencari punca sebenar yang menyebabkan

***Artikel ini telah disiarkan dalam Kosmo pada 6 April 2019.***

- 
- 113 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

# CREATE

*e-newsletter*



Universiti  
Malaysia  
PAHANG  
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

